

40 pelajar China-UMS jayakan Karnival Sukan FPEP

UB 25.12.2018 AG

KOTAKINABALU:Seramai 40 pelajar antarabangsa dari China yang mengikuti Program Mobiliti Semester Satu di UMS menyertai Karnival Sukan Fakutli Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) 2018.

Kumpulan pelajar mobiliti antarabangsa kali ini telah menyertai pertandingan boling, badminton, bola keranjang, pingpong dan acara balapan (100M, 200M, 400M, 4x100M).

Ketua pelajar mobiliti Zhang Qiu Yang yang berasal dari Shanghai, China berkata ia adalah satu keseronokan untuk pelajar antarabangsa menyertai karnival sukan itu.

“Ini adalah satu pengalaman yang menakjubkan kerana saya dapat melihat semangat kesukanan yang tinggi dan saya kagum dengan ‘sportsmanship’ para pelajar tempatan.

“Kami berasa sangat dialukan dan mengharapkan pelajar antarabangsa yang

akan datang dapat menyertai lagi aktiviti sedemikian yang dianjurkan oleh Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS),” katanya.

Kong Ying Ying, pelajar mobiliti berasal dari Beijing yang mengambil progtram Pengurusan Perhotelan di FPEP, merasa beruntung kerana dapat mengikuti aktiviti sebesar itu yang disertai hampir seribu pelajar.

“Saya berasa syukur namun sedikit cemas kerana pelbagai sukan saya ikuti, dan dapat bermain dengan pelajar tempatan. Kami juga berterima kasih kepada pensyarah dan rakan se-fakulti yang banyak membantu kami, mereka juga sangat baik dalam sukan.

“Saya sangat menyukai kehidupan saya sebagai pelajar di Malaysia dan ia merupakan pengalaman yang baik dalam hidup saya. Saya mengucapkan ribuan

terima kasih kepada pihak fakulti atas keprihatinan yang diberikan kepada kami,” katanya.

Seorang lagi pelajar antarabangsa, Zhou Lu yang berasal dari Hunan, China berkata, “Karnival Sukan 2018 ini yang dilangsungkan selama tiga hari berlalu dengan sangat pantas. Program ini merupakan penyertaan pertama kali saya dalam sukan di UMS.”

“Rakan sekelas saya mempunyai semangat kesukanan yang tinggi dan baik terhadap kami pelajar mobiliti. Kami mempunyai pasukan yang baik dan kami mendapat pengalaman yang akan kami ingati selalu.

“Kami juga dapat mengenali rakan kami dengan lebih baik menerusi aktiviti sedemikian di samping lebih memahami kepentingan kerjasama sepasukan dan kejelekitannya,” tambahnya.


Majlis perasmian dan penutupan Karnival Sukan

FPEP 2018 ini disempurnakan oleh Dekan Fakulti Prof Dr Raman Nordin.

Beliau merakamkan terima kasih kepada semua pelajar yang menyertai sukan dan perbarisan itu yang menampilkan Dr Arif Kamisan dan Wijaya Kamal Ramlan sebagai penasihat program.

Penyelaras mobiliti antarabangsa FPEP UMS yang juga pensyarah fakulti itu, Datu Razali Datu Eranza berkata kumpulan pelajar kali ini merupakan yang kedua di bawah penyeliaan beliau.

“Programnya fokus kepada aktiviti kebiasaan dalaman dan luar pelajar tempatan serta ekspedisi kesenian dalam negeri, sebagaimana kumpulan pertama pada semester lalu lebih tertumpu kepada pengenalan kepada aktiviti kebudayaan, di mana mereka sempat menyertai majlis perkahwinan penduduk tempatan pada April tahun ini,” katanya.



PARA pelajar yang terlibat pada Karnival Sukan FPEP berkenaan.